



**PERSATUAN MEMANAH NEGERI PERAK (BARU)** | N-PRK-08411

43, Jalan Kinding Raya 11, Taman Kinding Raya, 31250 Tanjong Rambutan, Perak

☎ 016-5519760 (reez) ✉ memanahperak@gmail.com

Ruj. Kami : PMNP.100-1/2022 Bil. (33)

Tarikh : 23 September 2022

Presiden / Setiausaha Kehormat  
Persatuan Memanah Negeri / Ahli-ahli Gabungan NAAM

YBhg. Dato' / Tuan / Puan

## **JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI KURSUS KEJURULATIHAN TAHAP 2 KEBANGSAAN**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) dengan kerjasama Persatuan Memanah Negeri Perak(Baru) akan menganjurkan Kursus Kejurulatihan Tahap 2 Kebangsaan yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

**Tarikh : 17 – 20 Oktober 2022**  
**Tempat : Dewan Teater Mohd Fadzil**  
**Institut Kemahiran MARA Lumut**  
**Jalan Dato' Seri Kamaruddin, 32040 Seri Manjung, Perak**

3. Sehubungan dengan itu, kami ingin menjemput peserta dari persatuan YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk menyertai kursus yang bakal diadakan ini. Maklumat berkenaan kursus berkenaan adalah seperti lampiran.

4. Kerjasama dan sokongan dari pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

**(RODZY SHAM BIN MD AKHIR)**  
Presiden  
Persatuan Memanah Negeri Perak (Baru)

**NAMA KURSUS** : Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 2

**TEMPAT KURSUS** : Dewan Teater Mohd Fadzil, Institut Kemahiran MARA Lumut  
Jalan Dato' Seri Kamaruddin, 32040 Seri Manjung, Perak.

**TARIKH KURSUS** : 17 hingga 20 Oktober 2022

**PENGANJUR** : Persatuan Memanah Negeri Perak

## **JADUAL KURSUS**

### **Hari Pertama**

8:00am - 10:00am : Lapor Diri/ Pendaftaran  
10:00am - 10:30am : Minum Pagi  
10:30am - 12:30pm : Taklimat Kursus/ WA Rules  
12:30pm - 2:30pm : Rehat/ Makan Tghari  
2:30pm - 4:00pm : Spesific Warm Up  
4:00pm - 4:30pm : Minum Petang  
4:30pm - 6:00pm : Posture Collapse

### **Hari Kedua**

8:00am - 10:00am : Shooting Faults & Remedies 1  
10:00am - 10:30am : Minum Pagi  
10:30am - 12:30pm : Shooting Faults & Remedies 2  
12:30pm - 2:30pm : Rehat/ Makan Tghari  
2:30pm - 4:00pm : Common Problem 1  
4:00pm - 4:30pm : Minum Petang  
4:30pm - 6:00pm : Common Problem 1

### **Hari ketiga**

8:00am - 10:00am : Teaching Suggestion For The Coach  
10:00am - 10:30am : Minum Pagi  
10:30am - 12:30pm : Tips For Practice Planning  
12:30pm - 2:30pm : Rehat/ Makan Tghari  
2:30pm - 4:00pm : Tips For Teaching: Tecnical Skills-1  
4:00pm - 4:30pm : Minum Petang  
4:30pm - 6:00pm : Tips For Teaching: Tecnical Skills-2

### **Hari keempat**

8:00am - 10:00am : Exam (Theory)  
10:30am - 1.30pm : Exam (Practical)  
1.45pm : Penutup

## **YURAN KURUS**

RM 600.00

## **MAKANAN**

Hanya sarapan pagi, minum pagi, makan tengahari dan minum petang disediakan oleh pihak penganjur.

## **PENGINAPAN**

Tanggungjawab peserta.

## **KELAYAKKAN PESERTA**

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
3. Mempunyai pengalaman dalam bidang kejurulatihan sukan memanah selama 5 tahun.
4. Bagi pemohon Tahap 2, peserta wajib melampirkan sijil Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1 dan sijil Kursus Sains Sukan Tahap 1 (jika ada) untuk kelayakkan menduduki kursus Tahap 2.
5. Bagi peserta ulangan, sila lampirkan sijil penyertaan Tahap 2.
6. Setiap penyertaan haruslah disahkan oleh Persatuan Memanah Negeri.

## **TANGGUNGJAWAB PESERTA**

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri **KECUALI** dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
4. Semua peserta kursus haruslah berpakaian **SUKAN**, kemas dan tidak mencolok mata.
5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlungan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Semua peserta **DIWAJIBKAN** berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
7. Semua peserta **DIWAJIBKAN** untuk membawa peralatan memanah sendiri.
8. Yuran perlu dijelaskan semasa pendaftaran pada hari pertama kursus.

## **TANGGUNGAN**

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

# PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH TAHAP 2

## BORANG PENDAFTARAN

NAMA	:	<input type="text"/>
NO KAD PENGENALAN	:	<input type="text"/>
NO TELEFON	:	<input type="text"/>
EMAIL	:	<input type="text"/>
ALAMAT	:	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>

## PENGESAHAN PERSATUAN:

TANDATANGAN PESERTA

TANDATANGAN PERSATUAN

---

NAMA:

---

NAMA:

JAWATAN:

COP:

Sila muat naik borang yang telah lengkap diisi ke <https://masarchery.org/2022/09/26/kursus-kejurulatihan-tahap-2-kebangsaan/untuk-melengkapkan-pendaftaran-anda>.